

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

**2 1/2 jam
minit**

Dua jam tiga puluh

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 4 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan hutan tanah tinggi** dan **usaha-usaha untuk mengekalkannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Hutan adalah sebahagian daripada ekosistem global yang menampung serta memperkaya kehidupan manusia. Ekosistem hutan mempunyai kitaran yang kompleks, iaitu melibatkan air, tanah, atmosfera, tumbuh-tumbuhan, dan fauna. Hutan yang terdapat di seluruh dunia dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis. Antaranya termasuklah hutan hujan tropika, hutan bakau, hutan pokok tirus, hutan pokok daun luruh, dan sebagainya. Sebahagian besar daripada hutan di Malaysia ialah hutan hujan tropika. Di Malaysia juga terdapat sebahagian kawasan hutan yang berada di tanah tinggi yang melebihi 300 meter dari aras laut. Hutan ini dipanggil hutan tanah tinggi.

Kebanyakan kawasan hutan tanah tinggi di negara ini menjadi sumber bekalan air bersih. Hutan tanah tinggi menyimpan air bersih dan melepaskannya apabila kandungan airnya bertambah. Apabila hujan turun, terutamanya sewaktu musim hujan, hutan tanah tinggi ini akan bertindak menyerap sejumlah besar air melalui akar pokok. Air yang terperangkap di bawah tanah akan memasuki anak sungai yang membentuk kawasan bekalan air yang sedia digunakan pada musim kemarau. Hutan tanah tinggi juga bertindak sebagai penapis semula jadi bagi air hujan. Hutan ini dapat mencegah hujan daripada terus menimpa tanah dengan terlalu kuat sekali gus dapat mencegah kerosakan bahagian lapisan atas tanah.

Hutan tanah tinggi yang terdapat di banjaran utama negara kita pula merupakan kawasan yang dapat membekalkan sumber hutan. Hutan tanah tinggi ini membekalkan kayu balak dan ramuan ubat-ubatan. Kayu balak dan pelbagai ramuan ubat tradisional daripada pokok-pokok di hutan ini menjadi *sumber rezeki* bagi sesetengah pihak. Malah, hutan ini menjadi sumber kepelbagaian biologi. Hutan tanah tinggi ini turut berfungsi sebagai pembekal makanan kepada haiwan sepanjang tahun. Di hutan tanah tinggi ini terdapat berbagai-bagai jenis bunga, buah, daun, dan kacang yang menjadi sumber makanan hidupan. Selain itu, hutan tanah tinggi ini menjadi habitat bagi beraneka spesies flora dan fauna. Namun begitu, aktiviti-aktiviti manusia yang tidak terkawal telah menjejaskan ekosistem kawasan tanah tinggi tersebut. Antara ancaman kawasan hutan tanah tinggi ini termasuklah pengambilan sumber galian dan pembalakan serta pengambilan spesies tumbuhan penting untuk tujuan komersial. Kelemahan dalam perancangan pembangunan dan pengurusan serta penggunaan tanah secara berleluasa turut menjadi ancaman kawasan hutan tanah tinggi. Ancaman-ancaman ini perlu dikawal untuk mengekalkan sumber hutan negara.

Faedah hutan tanah tinggi yang lain ialah hutan ini bertindak sebagai tempat rekreasi dan pelancongan. Misalnya, terdapat beberapa buah taman negara yang terletak di hutan

tanah tinggi. Taman negara ini menjadi daya tarikan para pelancong dari dalam dan luar negara untuk berinteraksi dengan alam semula jadi. Di samping itu, hutan ini juga merupakan sumber penyelidikan perubatan farmasi yang amat bernilai. Pelbagai kajian dan penyelidikan dapat dijalankan bagi mendapatkan imput baharu untuk meningkatkan kesihatan masyarakat.

*Dipetik dan diubah suai daripada "Lindungi Kawasan Tanah Tinggi"
Oleh Ridzuan Mohamad, Dewan Masyarakat, Mac 2014*

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *sumber rezeki*. (2 markah)

(ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa ancaman kawasan hutan tanah tinggi yang perlu dikawal untuk mengekalkan sumber hutan negara.

Nyatakan ancaman-ancaman tersebut. (3 markah)

(iii) Pada pendapat anda, huraikan kesan-kesan pembalakan secara tidak terkawal di kawasan hutan tanah tinggi kepada alam sekitar.

(4 markah)

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Ini arahan, Nusia.” Suara doktor yang berkerudung ungu itu kendur. Mukanya muram.

“Darah dan manusia itu, berbezaakah nilainya? Kalau harganya pangkat dan darjat, padamkan saja istilah manusia dalam hati. Untuk apa kalau semuanya boleh dibeli?”

“Nusia!”

Aku cepat-cepat beredar. Suara Doktor Murni melantun ke dinding pejal wad Unit Rawatan Rapi. Solehah yang tenat, yang pundi janinnya pecah di ovari, juga sedang koma.

Al-Hafiz masih terlantar, tulang selangkanya patah riuk, diheret kereta sejauh dua meter di tar keras, tidak pernah pun dijenguk Profesor Doktor Juaidi.

Juga si kecil, bayi buangan yang hampir kekeringan darah. Gadis malang yang dibelasah hingga tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa leukemia yang semakin cair sel darah merah di tubuhnya itu, tidak perlukah mereka itu diberi darah?

“Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil, Solehah.” Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. “Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu.....,”sebak menyendat di dadanya.

“Dapatkan sepuluh pek darah sekarang!” Arah Profesor Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. “Dapatkan di hospital lain; segera.”

Untuk siapa? Hatinya musykil sendiri.

Dipetik daripada cerpen ‘Gerhana
Manusia’
Oleh Aminah Mokhtar
Dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan keluhan hati Nusia ketika berhadapan dengan Solehah? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan jika masyarakat enggan menderma darah? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan satu pengajaran lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta maka hari pun malam. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal *sehelai sepinggang*.”

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, “Wah , datanglah pula bala atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *sehelai sepinggang*.
(2 markah)
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, apakah tindakan yang dilakukan oleh Temenggung selepas mendengar perintah daripada sultan?
(3 markah)
- (iii) Raja segera menitahkan orang-orang Temenggung berkawal sebaik-baik sahaja mengetahui berita tentang kecurian yang berlaku di negeri baginda.

Pada pendapat anda, mengapakah baginda menitahkan kegiatan kecurian itu diatasi dengan segera?

(3 markah)

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongso
dari angh ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakkubakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

- (i) Huraikan maksud rangkap pertama sajak di atas. (2 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang dapat dilakukan oleh warga tua supaya kehidupan mereka lebih berkualiti? (3 markah)
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang terkandung dalam sajak tersebut. (4 markah)

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

a) *Tulis **satu ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) pakai
- (ii) memakai
- (iii) terpakai
- (iv) susun
- (v) menyusun
- (vi) tersusun

[6 markah]

b) *Kenal pasti jenis **ayat perintah** sama ada **ayat perintah silaan**, **ayat perintah larangan**, **ayat perintah suruhan** atau **ayat perintah permintaan** .*

- (i) Jangan buang sampah di sini.
- (ii) Sila serahkan buku-buku latihan itu ke bilik guru.
- (iii) Awak siapkan tugasan yang diberikan itu sekarang.
- (iv) “Tak usah kauambil tahu akan hal aku lagi,” kata Azura kepada Zainal.
- (v) “Tolong hantarkan bekalan makanan ini kepada ayah yang sedang berehat itu,” pinta Zeety.
- (vi) “Jemputlah makan yang terhidang itu,” kata Farid kepada tetamu yang hadir itu.

[6 markah]

c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i) Kementerian Pendidikan mendapati bahawa pelaksana dasar bahasa Inggeris dalam matapelajaran sains dan matematik perlu dikaji semula untuk memperbaiki kelemahan yang timbul.
- ii) Jabatan Pengangkutan Jalan akan kuat kuasa undang-undang dari semasa ke semasa untuk mendisplinkan pengguna jalan raya terutama pada musim perayaan.
- iii) Runtuh akhlak dalam kalangan remaja mengakibatkan ramai remaja tersebut terjebak dengan gejala gengsterisma.

[6 markah]

d) *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin semula ayat tersebut.*

(i) “Apakah menu yang dihidangkan oleh tukang masak dalam hotel itu?” tanya para peserta perlawanan memasak yang dianjurkan oleh hotel tersebut.

(ii) Bapa saudaranya memperoleh pendapat supaya agak lumayan hasil jualan pisang goreng yang dibuat olehnya.

(iii) Seorang pegawai tinggi syarikat itu telah didakwa di mahkamah atas tuduhan memalapkan syarikat wang tersebut.

[6 markah]

e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kemudian nyatakan maksud peribahasa yang sesuai*

i) sediakan payung sebelum hujan.

ii) bagai isi dengan kuku.

iii) ikut resmi padi semakin berisi semakin tunduk.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan- soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel tersebut

- i. *Jendela Menghadap Jalan* Karya Ruhaini Matdarin
- ii. *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Karya Abdul Latip Talib
- iii. *Pantai Kasih* Karya Azmah Nordin
- iv. *Di Sebalik Dinara* Karya Dayang Noor
- v. *Songket Berbenang Emas* Karya Khairuddin Ayip
- vi. *Tirani* Karya Beb Sabariah
- vii. *Bimasakti Menari* Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- viii. *Silir Daksina* Karya Md Nizar Parman

a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan perwatakan watak utama novel tersebut.

[7 markah]

b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji ,huraikan perbezaan latar masyarakat yang dikemukakan oleh pengarang.

[8 markah]